

RM36 bilion untuk bantu usahawan tidak diguna: PM

BH 25 APR 2000

Oleh Wan Sabariah Shikh Ali dan Zulkofli Jamaludin

SEJUMLAH RM36 bilion yang diperuntukkan kerajaan menerusi pelbagai tabung yang ditubuhkan untuk membantu usahawan tempatan tidak digunakan sepenuhnya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata,

sudah menjadi amalan rakyat negara ini untuk membuat desakan supaya kerajaan menukarkan pelbagai tabung apabila menghadapi masalah pembiayaan.

Dr Mahathir berkata baru-baru ini beliau meminta Menteri Kewangan menyediakan

senarai tabung yang sudah diwujudkan setakat ini untuk mengetahui jumlah dana yang ada.

“Saya terkejut kerana ada sejumlah RM36 bilion disediakan oleh kerajaan untuk pelbagai jenis tabung, tetapi tidak digunakan sepenuhnya,” kata-

nya pada sesi dialog selepas merasmikan Seminar Mengenai Peluang Pelaburan Dalam Sektor Pertanian, di Kuala Lumpur, semalam.

Perdana Menteri berkata kerajaan memang sedar bahawa aduan yang dibangkitkan oleh pengusaha dalam sektor

pertanian mengenai kesukaran mendapatkan pembiayaan daripada institusi perbankan adalah berasas.

Ini kerana, tambah beliau, dalam memberikan pembiayaan, institusi perbankan lebih bersifat sebagai pemberi pinjaman yang mementingkan

cagaran dan bukannya mengambil peranan sebagai pembiaya.

“Begitu juga dengan syarikat modal teroka di Malaysia, mereka tidak bersifat meneroka,” katanya.

Kekurangan minat institusi

LIHAT MUKA 16